

Muhammad Rasulullah *ṣallā Allāh ʿalāihī wa ṣallam*

Dengan Budi Pekerti, Pergaulan dan Iktisad

Sesudah kita baca tarikh Islam, kemudian kita periksa _ mengikut turutan yang teratur _ isi-isi yang tersimpan di dalamnya, kita dapati bahawa Islam diturunkan ke dunia ini ialah kerana memperbaiki keperluan hidup manusia dari segi budi pekerti pergaulan dan iktisad.

(oleh Tarmizi Khalid)

Anasir yang ketiga ini satu-satunya sangat berhubung rapat dengan yang lain di sisi Islam. Dengan sebab itulah ia tidak dapat memisahkan atau mengutamakan sebahagian sahaja sedang bahagian yang lain pula ditinggal-tinggalkan.

Bahagian yang pertama dapat kita simpulkan daripada ayat-ayat Quran dan Hadis-hadis Rasulullah:

“Jika kamu putuskan satu-satu hal manusia, putuskanlah dengan keadilan.”

“Jangan kamu berjalan di muka bumi Allah sebab kamu tidak dapat membelah buminya dan tidak dapat menenggekki gunungnya.”

“Hinakanlah dirimu di hadapan dua ibu bapa kamu kerana kasih sayang kamu kepada mereka, dan katakanlah:

“Ya Tuhanku berikan rahmat kepada keduanya, sebagaimana mereka membela aku pada waktu aku kecil dengan kesayangan mereka”

“Ampunkanlah orang tua yang bersalah dan suruhlah orang berbuat baik”

“Sesungguhnya engkau lah Muhammad yang mempunyai akhlak yang tinggi.”

“Tidak beriman seseorang kamu hingga apabila ia kasihkan saudaranya sebagaimana ia kasihkan dirinya.”

Ada riwayat yang mengatakan bahawa Rasulullah semasa hampir wafatnya ada bersabda: “Hai orang Islam! Siapa-siapa yang telah aku pukul belakangnya silalah datang memukul belakangku, kalau ada pula aku memaki orang, silalah orang itu datang memaki aku, kalau ada pula aku mengambil harta orang maka ini hartaku sila ambil.” Ayat-ayat Quran dan Hadis-hadis Rasulullah, ini menunjukkan sifat-sifat berterus terang, benar, berdikit-dikit dalam semua hal, bersih hati, dan amanah itu adalah sifat-sifat yang diperlukan oleh undang-undang budi pekerti dalam Islam.

Yang kedua segi pergaulan, bahagian yang kedua ini ternyata daripada apa yang telah dibuat oleh Rasulullah terhadap masyarakat kaum Arab yang tidak mengenal erti kata kemanusiaan dan keadilan itu, Muhammad telah memberikan hak persamaan kepada kaum-kaum yang lemah, memberikan kehormatan dan kesenangan kepada hamba abdi yang dipandang oleh kaum Arab sebagai wasilah (jalan) bagi kesenangan

orang lain.

Hak persamaan di dalam Islam ini dapat kita catit daripada sabda Rasulullah *ṣallāllahu ‘alāihi wasalam*: Hai sekalian manusia! Sesungguhnya Tuhan kamu itu satu dan bapa kamu pun satu, semua kamu daripada Adam, dan Adam dijadikan daripada tanah. Orang-orang Arab tidak ada lebihnya daripada orang bukan Arab, tetapi kelebihan seseorang itu ialah pada taqwanya kepada Allah.

Selain daripada memandang hamba abdi itu sebagai seorang manusia yang mempunyai hak di dalam segala-galanya, Nabi Muhammad juga memberikan penghargaan yang penuh kepada kaum perempuan yang dipandang oleh masyarakat kaum Arab sebagai tebu yang manis dihisap kemudian dibuang hampasnya. Junjungan kita tidak mahu dan tidak ingin melihat kaum perempuan dijadikan barang jualan, tetapi kaum perempuan adalah sebagai penyokong kaum lelaki dalam menghadapi perjuangan hidup, perempuan mesti diberikan hak penghormatan, perempuan berhak memberikan fikiran, perempuan berhak campur tangan bagi menciptakan ketinggian masyarakat bersama lelaki.

Memang senang kalau hanya tahu bercakap, sungguh senang kalau hanya hidup kita tenggelam di luar khayal semata-mata. Islam tidak ingin begitu, sebab Islam ialah agama berfikir dan bekerja, Islam sudah banyak memberikan pendapatnya, sudah banyak memberikan bayangan sama ada berupa wahyu ataupun fikiran, tetapi mungkinkah Islam mendapat kejayaan dengan fikiran dan tenggelam di alam khayal sahaja? Sudah cukupkah kalau sekiranya setiap orang-orang Islam berbudi bahasa yang baik, bergaul dan dapat mengeratkan rasa kasih sayang di antara satu dengan yang lain sedang keperluan perut seluruhnya tidak terjamin? Tidak. Islam bukan agama khayal, Islam tahu bahawa manusia dengan tabiatnya yang semula jadi tidak akan memberikan tenaga keringatnya

Enam Puluh Enam Juta

Umat Islam di Indonesia

Menurut keterangan Kementerian Agama yang disiarkan oleh A. P. B Jakarta, bahawa pemeluk-pemeluk agama di Indonesia adalah seperti berikut:

Islam	66,286,596
Katholik	1,080,438
Protestan	3,286,265
Budha	1,500,000
Hindu Bali	1,386,349
Budha lain-lain	3,500,000
Penganut ilmu batin	439,680
Jumlahnya	77,987,680

kepada orang lain. Dengan lain perkataan, manusia yang kaya tidak akan memberikan pertolongan hartanya kepada orang yang miskin selagi tidak ada penekan supaya dia berbuat demikian. Dengan sebab yang tersebut Islam mewajibkan zakat, menyusun kewangan Baitul Mal dan mengambil cukai, supaya dapat memberikan wang pendahuluan kepada siapa-siapa yang berhajat, menyediakan belanjawan jika berlaku peperangan atau mangsa kebakaran dan lain-lain.

Selain daripada itu, Islam tidak menegah seseorang mempunyai hak milik selagi hak milik itu halal dan didapat dengan tenaga sendiri, tidak dengan keringat orang lain, sebab Islam di dalam susunan pemerintahan memang mengakui dan menghargai akan hak kehormatan, kekuasaan dan fikiran seseorang.

Semua yang tersebut di atas ini adalah termasuk di dalam bahagian yang akhir iaitu bahagian iktisad.